

DEB: Sikap orang-orang Melayu diingat

SHAH ALAM, Rabu — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini mengingatkan kaum Bumiputera jangan mengharapkan Dasar Ekonomi Baru tercapai menjelang 1990 jika mereka masih bersikap sambil lewa dan terlalu mengharapkan Kerajaan.

Katanya, jika DEB gagal, segala jaminan bagi kaum Bumiputera untuk mendapat bantuan Kerajaan dalam meningkatkan ekonomi dan taraf hidup juga turut terhapus.

Prestasi merosot

Berucap merasmikan seminar "Peranan Pentadbiran Awam Dalam Pembangunan Nasional" anjuran kajian Pentadbiran dan Undang-undang, Institut Teknologi MARA di sini, beliau berkata kaum Bumiputera hanya mempunyai satu pilihan iaitu bekerja keras.

Katanya, keadaan adalah lebih genting di tahun-tahun 80-an ini ke-



DATUK ABDULLAH

rana ia merupakan tempoh amat penting bagi pencapaian DEB.

Katanya, Kerajaan juga sedar tentang pihak-pihak tertentu yang cuba menyalah ertikan kuota yang diperuntukkan kepada Bumiputera dalam berbagai bidang dengan menjadikannya isu politik dan perkauman.

Mengenai kakitangan pentadbiran awam yang berniaga, beliau berkata, lebih baik mereka berhenti berkhidmat kerana Kerajaan tidak memerlukan mereka yang tidak dapat menyumbang sepenuh tenaga dan fikiran kepada masyarakat.

Beliau juga tidak bersetuju dengan dakwaan bahawa jaminan masa depan yang baik bagi kakitangan Kerajaan menjadi salah satu punca kemerosotan prestasi pekerjaan mereka dibandingkan dengan pekerja sektor swasta.

Katanya, di Jepun, jaminan seumur hidup bagi kakitangan Kerajaan menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang.

Ditemui oleh para pemberita selepas perasmian itu, Datuk Abdullah berkata, Kerajaan tidak akan berganjak dari keputusan mengarahkan kira-kira 590,000 orang kakitangannya mengisytiharkan harta masing-masing sebelum atau pada 5 Februari ini. — Bernama.